- 10.2 Immediate upon attainment of the **Insured Person** aged eighty (80), on the exact date of birth.
- 10.3 Upon death of the **Insured Person** or if the **Insured Person** sustains Permanent Disablement as a result of an **Accident** giving rise to a claim of which the full benefits of 100% of the **Principal Sum Insured** amount as specified in the **Policy Schedule** has been paid.

The coverage for a dependent child shall be automatically terminated on his/ her 19th birthday.

11. TERMINATION BY US

We reserve the right to terminate or to revise the product features of this **Policy**, provided all Policies issued under this Plan are terminated or so revised and all revisions be made on the **Policy** anniversary only. Subject to the provisions of this **Policy**, **We** may give notice of termination hereof by registered letter to **You** at **Your** last known address according to **Our** records.

In the event **Premium** has been paid for any period beyond the date of termination of this **Policy**, the relevant proportion thereof shall be refunded to **You** by **Us**. If the **Premium** has not been paid for any period up to the date of termination as aforesaid, **You** shall be liable to **Us** for payment of such **Premium**, which **We** may, at its option, bill to **You**.

12. TERMINATION BY YOU (APPLICABLE TO MONTHLY PREMIUM PAYMENT ONLY)

You may terminate the **Policy** at any time by giving fourteen (14) days written notice to **Us**. Such termination shall become effective on the date the notice is received by **Us**, or the date specified in the notice, whichever is earlier. In the event **Premium** has been paid for any period beyond the date of termination of this **Policy**, the termination shall become effective upon the next **Premium** due. No **Premium** will be refunded upon cancellation of cover.

13. TERMINATION BY YOU (APPLICABLE TO ANNUAL PREMIUM PAYMENT ONLY)

You may terminate the **Policy** at any time by giving fourteen (14) days written notice to **Us** and provided that no claims has been made by **You** during the current Policy year, **You** shall be entitled to a short period refund of **Premium** as follows:

Period Not Exceeding	Refund of Annual Premium
15 days	90%
1 month	80%
2 months	70%
3 months	60%
4 months	50%

5 months	40%
6 months	30%
7 months	25%
8 months	20%
9 months	15%
10 months	10%
11 months	5%
Period exceeding 11 months	No refund

14. EFFECTIVE TIME OF TERMINATION

This **Policy** shall terminate at 12.01a.m. Malaysian time on the relevant date specified above.

15. REINSTATEMENT

Policy may be reinstated at **Our** discretion subject to:

- 15.1. Written application by the **Insured Person**;
- 15.2. Evidence of insurability satisfactory to the **Company**; and
- 15.3. Payment of total **Premium** due if any

16. DISCHARGE OF LIABILITY

Any receipt or discharge granted to **Us** in respect of a claim under this **Policy** shall be deemed to be completed and final discharge of all **Our** liability in respect to the claim.

17. PAYMENT OF BENEFITS

Benefit payable under this **Policy** shall be paid to **You**, in the event of **Your** death, the benefit shall be paid to **Your** named Beneficiary or **Your** estate if there is no such named Beneficiary, same in respect of **You** who is a Muslim, in which case only, payment of benefit under this **Policy** may be determined by the appropriate Islamic Laws and the applicable Syariah Laws.

18. DUE CARE

In the event of injury to which this **Policy** relates, **You** shall seek the advice of a **physician or surgeon or medical practitioner** as soon as practicable and act upon their advice accordingly.

19. CURRENT EXCHANGE RATE

In the event of **Hospitalisation** outside Malaysia, bills rendered in terms of currency other than Malaysian Ringgit shall be payable on the basis of the quoted exchange rate (open market rate if a free market, official rate if not a free market) in effect on the date of discharge from **Your Hospital**.

20. GOVERNING LAW

This **Policy** under the laws of Malaysia and is subject and governed by the laws prevailing in Malaysia. The indemnity provided by this **Policy** shall not apply in respect of judgement which are not in the first instance delivered by or obtained from a Court of competent jurisdiction within Malaysia, nor to orders obtained in the said Court for the enforcement of judgement made outside Malaysia, whether by reciprocal agreements or otherwise.

21. ALTERATIONS

We reserve the right to amend the terms and provisions of this **Policy** by giving thirty (30) days prior notice in writing by ordinary post to **Your** last known address according to **Our** records, and such amendment will be applicable from the next renewal of this **Policy**. No alteration to this **Policy** shall be valid unless approved by **Us** and evidenced by endorsement of such amendment.

22. ENTIRE CONTRACT: CHANGES

This **Policy**, including the **Policy Schedule**, endorsements, and amendments, if any, will constitute the entire contract between the parties. No change in this **Policy** shall be valid unless approved by **Us** and evidenced by endorsement or amendment.

23. LEGAL PROCEEDING

No action at law or in equity shall be brought to recover on the **Policy** prior to the expiration or ninety (90) days after proof of claim has been filed in accordance with the requirements of this **Policy**.

24. CONDITION PRECEDENT TO LIABILITY

The due observance and fulfillment of the terms conditions and endorsement of this **Policy** in so far as they relate to anything to be done or complied with by the **Insured Person** or any claimant under this **Policy** and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the **Company** to make any payment under this **Policy**.

25. RADIOACTIVE/ NUCLEAR ENERGY RISKS CLAUSE

This insurance does not cover loss, damage, cost or expenses of whatsoever nature directly or indirectly caused by, resulting from or in connection with any of the following or in any other sequence to the loss of:

- 25.1 Ionising radiation from or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste or from the combustion of nuclear fuel
- 25.2 The radioactive, toxic, explosive or other hazardous or contaminating properties of any nuclear installation, reactor or other nuclear assembly or nuclear component thereof
- 25.3 Any weapon of war employing atomic or nuclear fission and/ or fusion or other like reaction or radioactive force or matter.

26. WAR AND TERRORISM CLAUSE

This insurance excludes loss, damage cost or expense of whatsoever nature directly or indirectly caused by, resulting from or in the connection with any of the following regardless of any other cause or event contributing concurrently or in any other sequence to the loss of:

- 26.1 war, invasion, act of foreign enemies, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, civil commotion assuming the proportions of or amounting to an uprising, military or usurped power;
- 26.2 act of terrorism

It is agreed that, regardless of any contributory cause(s), this **Policy** does not cover any loss(es) in any way caused or contributed to by an act of terrorism involving the use or release or the threat thereof of any nuclear weapon or device or chemical or biological agent. For the purpose of this exclusion, an act of terrorism means an act including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organization(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear.

It also excludes loss, damage, cost or expenses of whatsoever nature directly or indirectly caused by, resulting from or in connection with any action taken in controlling, preventing, suppressing or in any way relating to (27.1) and /or (27.2) above. If the **Company** alleges that by reason of this exclusion, any loss, damage, cost or expenses is not covered by this **Policy** the burden of proving the contrary shall be upon the **Insured Person**. In the event any portion of this exclusion is found to be invalid or unenforceable, the remainder shall remain in full force and effect.

27. CASH BEFORE COVER

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the **premium** due must be paid and received by **Us** before cover commences

28. CLAIMS RECOVERY

In the event that **We** have paid benefits to which **You** are not entitled, **We** shall have a right to recover those benefits from **You**.

29. ELIGIBILITY

Eligibility is restricted to individuals whose country of residence is Malaysia. Subject to lower age limit of eighteen (18) years old and upper age limit of seventy (70) years at first enrolment. The **Insured Person** shall remain eligible for cover until the following eightytenth (80th) birthday when all coverage under the **Policy** shall cease.

30. INTERPRETATION

This **Policy**, including the enrolment form/proposal form, **Policy Schedule**, endorsements and amendments if any, shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached shall, unless the context otherwise requires, bear that specific meaning wherever it may appear.

31. ARBITRATION

All differences arising out of this Policy shall be referred to an Arbitrator who shall be appointed in writing by the parties in difference. In the event they are unable to agree on who is to be the Arbitrator within one (1) month of being required in writing to do so, then both parties shall be entitled to appoint an Arbitrator each who shall proceed to hear the differences together with an Umpire to be appointed by both Arbitrators.

It is hereby expressly stipulated and declared that it shall be a condition precedent to any right of action or suit upon this policy that the award by such Arbitrator, Arbitrators or Umpire shall be first obtained.

If We shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve (12) months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained, then the claim for all intents and purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

NOTICE TO POLICYHOLDER

Please examine the insurance **Policy** to ensure that it meets **Your** requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the **Policy**, the **Schedule** and any endorsements attached therein be read thoroughly.

If **You** have any complaints or grievances pertaining to **Your Policy**, please contact **Your** agent, if any or get in touch with **Our** issuing office. **We** assure **You** that **Your** complaints will be attended to promptly.

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the Contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

As a responsible **insurer**, **We** wish to bring **Your** attention that **You** could also address **Your** dissatisfaction to Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) or to Bank Negara Malaysia Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

HOW TO LODGE A COMPLAINT

If **You** are unhappy with any aspect of **Our** service, **We** would like to hear from **You**.

You can make **Your** complaint in whatever form is most convenient to **you** either via a phone call to **Our** receptionist or alternatively, by writing, faxing or e-mailing **Your** complaint to:

Complaints Handling Unit

RHB Insurance Berhad
Level 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur

Tel: 1300-220-007

Fax: 03-2163 7277

E-mail: insurance_complaint@rhbgroup.com

We will seek to respond to **Your** complaint within fourteen (14) days. If **We** cannot resolve the matter within the aforesaid time frame when a matter is complex, **You** will be informed of the progress made with **Your** complaint.

It will help **Us** to respond promptly if **You** give the following details:

1. **Your** name, address and contact no.
2. Cover note no. / Policy no. / Claim no.

If after taking these steps **You** are still dissatisfied, **You** may write to:

The Complaints Management Unit

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)

(Formerly known as Ombudsman Financial Services (OFS))

Level 14, Main Block

Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2272 2811

Website: www.fmos.org.my

If the mediator makes an award against **Us**, **You** are required to inform the Mediator of **Your** decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If **You** do not accept the award, **You** may reject the decision of the Mediator. **You** are free to institute a court proceeding against **Us** or refer it to Arbitration.

Alternatively, **You** may put forward **Your** dissatisfaction over the conduct of **Us** by writing to Bank Negara Malaysia giving details of **Your** complaint and particulars of **Your** policy to:

BNMTELELINK

Corporate Communications Department

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1300-88-5465 (LINK)

Fax: 03-2174 1515

E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

HEAD OFFICE	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel: 03 - 2180 3000 Fax: 03 - 9281 2729 Website: www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel: 1300-220-007 Fax: 03 – 2163 7277 WhatsApp: 012-6031978 E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com

PRESTIGE

Dasar Polisi

INSURANS KEMALANGAN PERIBADI

Manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi RHB Insurance Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Ahli PIDM.



TABLE OF CONTENTS

PENERANGAN	3
TENTANG POLISI INI	3
DEFINISI	3
BAHAGIAN A: KEMALANGAN PERIBADI	6
HAD KEPADA BAHAGIAN A	7
BAHAGIAN B: PEMINDAHAN & PENGHANTARAN PULANG KECEMASAN ANTARABANGSA	7
BAHAGIAN C: MANFAAT KESUKARAN	9
PENGECUALIAN KHAS UNTUK KEHILANGAN TUNAI ATAU BARANGAN PERIBADI	9
BAHAGIAN D: BONUS TIADA TUNTUTAN	9
PENGECUALIAN AM	10
SYARAT AM	11
NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI	16
BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN	16

PENERANGAN

TENTANG POLISI INI

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan bayaran **premium** yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** dan selaras dengan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang dibuat oleh **Anda** di antara waktu serahan Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon untuk insurans ini) dengan waktu kontrak ini dimeterai. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang **Anda** berikan akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans di antara **Anda** dan **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Anda** atau di dalam sebarang pendedahan yang diberikan oleh **Anda**, hanya remedi di dalam **Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini menjelaskan terma dan syarat kontrak sebagaimana dipersetujui oleh **Anda** dan **Kami**.

Polisi ini menjelaskan apa yang **Anda** diinsuranskan sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual** dan keadaan di mana **Anda** dilindungi dan tidak dilindungi.

Beberapa perkataan dan ekspresi telah dicetak **tebal** kerana ia telah diberi maksud spesifik dalam **Polisi**. **Anda** boleh menemui maksudnya di bawah Definisi.

DEFINISI

1. **ANDA/PIHAK DIINSURANSKAN** bermaksud orang yang dinamakan di dalam **Jadual Polisi** atau sebarang semakan, endorsmen seterusnya kepada **Polisi** ini.
 2. **KAMI / PENGINSURANS / SYARIKAT** bermaksud RHB Insurance Berhad (Nombor Pendaftaran Perniagaan Syarikat 197801000983 (38000-U) yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Mempunyai alamat perniagaan berdaftar di Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur.
 3. **PIHAK DIINSURANSKAN** bermaksud **Anda** dan/atau pasangan sah **Anda** dan/atau anak tanggungan **Anda** yang dinamakan dalam **Jadual Polisi**. **Anda** dan pasangan sah **Anda** mestilah berumur di antara lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun (termasuk kedua-dua umur) dan boleh diperbaharui sehingga berumur lapan puluh (80) tahun, tepat pada **tarikh lahir**.
 4. **PASANGAN SAH** bermaksud suami atau isteri sah **Anda** yang tidak berpisah atau bercerai semasa insurans bermula. Jika **Anda** mempunyai lebih daripada satu pasangan sah, hanya pasangan sah yang dinamakan dalam jadual akan dilindungi.
 5. **ANAK-ANAK TANGGUNGAN** bermaksud anak-anak sah dan/atau anak angkat sah yang pada tarikh permohonan berumur lebih daripada tiga puluh (30) hari dan sehingga sembilan belas (19) tahun, belum berkahwin dan tidak bekerja. Jumlah Prinsipal Diinsuranskan untuk Kematian akibat **Kemalangan** dan Hilang Upaya Kekal untuk setiap anak berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga sembilan belas (19) tahun adalah 50% daripada jumlah Prinsipal Diinsuranskan bagi pelan pilihan **Pihak Diinsuranskan** Prinsipal.
 6. **KEMALANGAN** bermaksud kejadian atau peristiwa atau rangkaian peristiwa, yang menyebabkan **kecederaan tubuh**.
 7. **Kematian akibat Kemalangan** bermaksud kematian yang berpunca daripada Kemalangan.
 8. **KECEDERAAN BADAN** bermaksud Kecederaan Badan akibat **Kemalangan** yang hanya disebabkan secara tunggal dan langsung oleh faktor luaran, nyata dan ganas yang tidak berkaitan dengan sebab-sebab lain, adalah penyebab tunggal dan langsung Kematian atau Hilang Upaya Kekal.
- KECEDERAAN BADAN termasuk perkara berikut:

8.1 PERAMPASAN

Kecederaan yang dialami akibat daripada rampasan atau kawalan tidak sah ke atas kapal terbang, kapal, pengangkutan awam (secara umumnya dipanggil perampasan) dengan syarat **Anda** bukan merupakan salah seorang yang terlibat dengan tindakan tidak sah itu.

8.2 PEMBUNUHAN ATAU SERANGAN TANPA PROVOKASI

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada kejadian pembunuhan atau serangan atau percubaan untuk melakukannya tanpa provokasi.

8.3 KEKECOHAN, MOGOK DAN PERTEMPURAN AWAM

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada Kekecohan, Mogok dan Pertempuran Awam, dengan syarat **Anda** bukan merupakan salah seorang yang terlibat dengan tindakan tidak sah tersebut.

8.4 HILANG

Sekiranya selepas tempoh satu (1) tahun telah luput daripada tarikh laporan kehilangan dibuat dan setelah **Kami** memeriksa semua bukti-bukti yang ada mendapati tiada sebab untuk mengatakan selain daripada **Kemalangan** telah berlaku dan besar kemungkinan telah menyebabkan kematian **Anda**, kehilangan **Anda** itu dikira menimbulkan satu tuntutan di bawah **Polisi** ini dan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan perlu dibayar. Bagaimanapun, pada bila-bila masa setelah bayaran dibuat kepada wakil perundangan **Anda**, beliau perlu menandatangani surat akuan untuk mengembalikan kepada **Kami** jumlah wang yang telah **Kami** bayar untuk penyelesaian tuntutan jika selepas itu **Anda** didapati masih hidup.

8.5 TERHIDU GAS, LEMAS, KERACUNAN MAKANAN ATAU MINUMAN DAN INTOKSIKASI

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada Terhidu Gas, Lemas, Keracunan Makanan atau Minuman dan Intoksikasi oleh alkohol atau ubat yang diberikan oleh pengamal perubatan berkeelayakan dengan atau tanpa tanda-tanda nyata kecederaan luaran atau kekerasan.

8.6 PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada pendedahan kepada anggota dalaman yang disebabkan oleh Kemalangan dengan syarat jika berlakunya kematian atau Hilang Upaya Kekal dan kematian atau catatan kekal tersebut telah dijalankan siasatan yang menunjukkan **Anda** mati kerana pendedahan akibat daripada Kemalangan

8.7 KEMALANGAN LEMAS TERHIDU GAS MELALUI ASAP DAN BAU-BAUAN

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada **Kemalangan** lemas terhidu gas melalui asap dan bau-bauan, dengan atau tanpa tanda-tanda nyata kecederaan luaran atau kekerasan.

8.8 GIGITAN SERANGGA, ULAR DAN/ATAU BINATANG (TERMASUK PENYAKIT)

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada gigitan serangga dan/atau ular dan/atau binatang, tidak termasuk penyakit.

8.9 MEMBURU DAN MENDAKI GUNUNG (TIDAK MENGGUNAKAN TALI)

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** ketika sedang memburu atau mendaki gunung (tidak menggunakan tali), dengan syarat kelulusan / permit / lesen daripada pihak berkuasa telah diperolehi untuk memburu dan **Anda** adalah pemegang lesen sah untuk memiliki dan menggunakan senjata untuk tujuan memburu sahaja.

8.10 LOMPATAN "BUNGEE"

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** ketika sedang melakukan lompatan "bungee" ketika beriadah di mana **Anda** tidak boleh memperolehi pendapatan atau bayaran kerana melakukan aktiviti sukan tersebut.

8.11 BERMOTOSIKAL

Kecederaan yang dialami oleh **Anda** akibat daripada aktiviti bermotosikal sebagai penunggang atau pembonceng untuk tujuan peribadi atau perniagaan dengan syarat **Kami** tidak bertanggungjawab membuat bayaran untuk kematian atau kecederaan yang timbul atau akibat daripada **Anda** terlibat dengan perlumbaan, memandu laju, pertandingan lumba atau lain-lain jenis pertandingan. Adalah menjadi syarat sebelum liabiliti diterima bahawa **Anda** memakai topi keledar yang diluluskan dan memiliki lesen menunggang yang sah semasa bermotosikal.

8.12 KOMA

Anda mengalami Koma akibat daripada **Kemalangan**. Setelah disahkan oleh **pengamal perubatan** bahawa **Anda** telah berada dalam koma untuk tempoh sekurang- kurangnya satu (1) tahun setelah dimasukkan ke **Hospital** yang sama sebagai pesakit, **Kami** akan membayar 100% Jumlah Prinsipal Diinsuranskan dan lain-lain manfaat yang berkaitan seperti dinyatakan dalam **Jadual Polisi**. Bagaimanapun, **Kami** berhak untuk mendapat semula bayaran jika **Anda** kembali sedarkan diri, dengan syarat

penolakan dibuat sebanyak 10% daripada jumlah bayaran tersebut untuk setiap tahun **Anda** berada dalam keadaan Koma.

9. **KEHILANGAN UPAYA** bermaksud Sakit, Penyakit, Kesakitan atau **Kecederaan Badan** yang timbul akibat daripada sebab-sebab tunggal atau beberapa sebab.
10. **MANA-MANA SATU KEHILANGAN UPAYA** bermaksud semua tempoh **kehilangan upaya** yang timbul akibat daripada sebab yang sama termasuk mana-mana atau semua kesulitan kecuali jika **Anda** sembuh sepenuhnya dan tidak perlu lagi mendapatkan rawatan lanjutan (termasuk ubat-ubatan, pemakanan khusus atau suntikan atau nasihat untuk keadaannya) **kehilangan upaya** tersebut untuk tempoh sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari selepas tarikh terakhir keluar wad dan **kehilangan upaya** selepas itu akibat daripada sebab yang sama akan dianggap sebagai **kehilangan upaya** yang baru.
11. **HOSPITAL** bermaksud sebuah tempat yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai sebuah **Hospital** untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera, dan di mana ia:
 - 11.1. mempunyai peralatan untuk memeriksa, merawat dan melakukan pembedahan besar; dan
 - 11.2. menyediakan dua puluh empat (24) jam sehari khidmat jururawat oleh jururawat-jururawat berdaftar yang berkelayakan; dan
 - 11.3. berada di bawah penjagaan seorang Doktor Pakar; dan
 - 11.4. bukan sebuah klinik, tempat penjagaan penagih arak atau dadah, tempat penjagaan atau rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang tua dan yang seumpamanya.
12. **DOKTOR, PAKAR, PAKAR PERUBATAN** atau **PENGAMAL PERUBATAN** bermaksud seseorang yang berkelayakan dan dilesenkan untuk mempraktikkan perubatan barat di mana khidmat perubatan diberikan dan sesiapa yang memberi khidmat tersebut melakukannya di dalam skop di mana dia dilesenkan dan mempunyai latihan di kawasan geografi, di mana dia mempraktikkannya, tetapi tidak termasuk seorang **doktor, pakar** atau **pakar bedah** yang juga merupakan **Pihak Diinsuranskan**.
13. **TARIKH EFEKTIF INSURANS** bermaksud tarikh di mana **Polisi** ini mula berkuatkuasa, seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
14. **JADUAL POLISI** bermaksud Jadual Polisi, yang merupakan sebahagian dan membentuk Polisi ini.
15. **RAWATAN KLINIKAL** bermaksud pembayaran balik caj-caj yang biasa dan berpatutan untuk perkhidmatan dan bekalan perubatan yang disediakan oleh **Hospital** atau klinik untuk rawatan kecemasan kecederaan akibat **Kemalangan** dan diterima sebagai pesakit luar dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas **Kemalangan**.
16. **CAJ-CAJ BERPATUTAN YANG DIKENAKAN** bermaksud caj-caj untuk rawatan perubatan yang boleh dianggap berpatutan di mana ia tidak melebihi tahap caj-caj yang biasa dikenakan oleh orang lain di sekitarnya ketika memberi rawatan, perkhidmatan dan bekalan seperti kepada individu dengan jantina yang sama dan umur yang hampir serupa untuk penyakit atau kecederaan yang hampir sama dan dilakukan mengikut standard perubatan yang digunapakai dan tidak boleh dikecualikan tanpa memudaratkan kesihatan **Anda**.
17. **HILANG PERCAKAPAN** bermaksud kehilangan upaya untuk mengeluarkan mana-mana tiga daripada empat jenis bunyi yang membolehkan seseorang itu bercakap seperti bunyi-bunyi "Labial", "Alveololabial", "Palatal" dan "Velar" atau kehilangan sepenuhnya suara atau kerosakan pusat percakapan di bahagian otak menyebabkan "Aphasia".
18. **HILANG PENDENGARAN** bermaksud **kehilangan pendengaran** sepenuhnya dan tidak boleh dipulihkan.
19. **BARANGAN PERIBADI** merujuk kepada semua item yang boleh diukur secara kewangan (kecuali Tunai) yang berada dalam pemilikan **Pihak Diinsuranskan** semasa berlaku kecurian ragut atau rampasan kereta.
20. **KECURIAN RAGUT** perbuatan mencuri secara paksa daripada **Anda** yang pada masa yang sama berlakunya perbuatan itu, sebagai **pejalan kaki**, di dalam **kenderaan bermotor**, menunggang atau membonceng **motosikal**, basikal atau **basikal beroda tiga**, membawa lari beg tangan **Anda**, dan melarikan dari tempat kejadian sama ada dengan berlari, memandu kenderaan, menunggang atau membonceng motosikal. Perbuatan ragut ini hendaklah terjadi di luar kawasan rumah **Anda**.
21. **MENYELUK SAKU** bermaksud perbuatan mencuri dari saku atau beg tangan **Anda** di tempat awam tanpa disedari dan tidak menimbulkan syak.
22. **ROMPAKAN** seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 390 Kanun Keseksaan Malaysia iaitu perbuatan mencuri atau cubaan mencuri yang mana untuk melakukan kecurian atau semasa melakukan kecurian atau semasa melaksanakan kecurian tersebut atau di dalam membawa lari atau cubaan membawa lari harta yang diperolehi daripada kecurian tersebut, oleh pelaku untuk mencapai tujuan tersebut, secara sengaja mengakibatkan atau bertujuan mengakibatkan kematian seseorang, atau mencederakan, atau hampir menyebabkan kematian atau mati serta merta, atau cedera serta merta, atau tersilap tahan serta merta.
23. **RAMPASAN KERETA** bermaksud perbuatan menyalahi undang-undang mencuri atau merampas kenderaan **Anda** secara paksaan dan ganas semasa **Anda** menuruni atau menaiki kenderaan tersebut.
24. **CULIK** bermaksud membawa lari **Anda** secara paksaan, ancaman atau penipuan tanpa kerelaan **Anda** dan menahan **Anda** secara tidak sah.
25. **JEREBU** bermaksud fenomena atmosfera di mana habuk, asap dan lain-lain partikel mengurangkan penglihatan. Penyakit berkaitan-jerebu termasuk penyakit jantung atau paru-paru kronik seperti asma, penyakit pulmonari penghalang kronik (COPD) atau kegagalan jantung akibat jerebu.
26. **SIMBAHAN ASID** bermaksud simbahan asid atau bahan korosif seumpamanya ke atas tubuh **Anda**.
27. **RINGGIT** dan simbol RM bermaksud mata wang sah di Malaysia.

28. **KENDERAAN BERMOTOR** bermaksud kenderaan jalan yang digerakkan oleh enjin pembakaran dalaman.
29. **Kejadian** bermakna tempoh sebenar apabila insiden berlaku.
30. **PEJALAN KAKI** bermaksud seorang yang membuat perjalanan dengan kaki sama ada berjalan atau berlari.
31. **BASIKAL** atau **BASIKAL BERODA TIGA** bermaksud kenderaan yang digerakkan oleh pedal, dengan tenaga manusia dengan dua atau tiga roda dipasangkan pada suatu rangka.

BAHAGIAN A: KEMALANGAN PERIBADI

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar jumlah diinsuranskan seperti dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

2. HILANG UPAYA KEKAL

Sejumlah bayaran berdasarkan manfaat maksimum yang ditunjukkan di dalam **Jadual Polisi** mengikut kadar Hilang Upaya Kekal yang dialami yang akan ditentukan mengikut Senarai Hilang Upaya Kekal seperti disertakan.

Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal

Kecederaan		% daripada Prinsipal yang perlu dibayar
Kehilangan dua anggota		100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan ataupun semua jari dan kedua-dua belah ibu jari		100%
Kehilangan keseluruhan penglihatan kedua belah mata		100%
Lumpuh keseluruhan		100%
Kecederaan menyebabkan terlantar sakit di katil secara kekal		100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya secara kekal daripada sebarang bentuk pekerjaan		100%
Kehilangan lengan dari bahu		100%
Kehilangan lengan di siku		100%
Kehilangan tangan di pergelangan tangan		100%
Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan		50%
Kehilangan empat jari pada satu tangan		40%
Kehilangan ibu jari	- Kedua-dua falanks	25%
	- Satu falanks	10%
Kehilangan jari telunjuk	- Tiga falanks	10%
	- Dua falanks	8%
	- Satu falanks	4%
Kehilangan jari tengah	- Tiga falanks	6%
	- Dua falanks	4%
	- Satu falanks	2%
Kehilangan jari manis	- Tiga falanks	5%
	- Dua falanks	4%
	- Satu falanks	2%
Kehilangan jari kelengkeng	- Tiga falanks	4%
	- Dua falanks	3%
	- Satu falanks	2%
Kehilangan metakarpal	- Pertama atau kedua (tambahan)	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan kaki	- di pinggang	50%
	- bawah lutut	50%
Kehilangan jari kaki	- Semua	15%
	- Ibu jari, kedua-dua falanks	5%
	- Ibu jari, satu falanks	2%
	- Selain ibu jari, jika lebih dari satu jari, setiap jari	1%

Kehilangan penglihatan	- Kedua-dua mata	100%
	- Seluruh mata	50%
	- Satu mata, kecuali pengamatan cahaya	50%
	- Kanta satu mata	50%
Kehilangan pendengaran	- Kedua- dua telinga	75%
	- satu telinga	15%
Kehilangan pertuturan	- Hilang pertuturan kekal	50%

2.1 Hilang penggunaan keseluruhan kekal anggota badan akan dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

2.2 Sebarang **Hilang Upaya Kekal** yang tidak dinyatakan di atas akan dibayar berdasarkan tahap Hilang Upaya Kekal berbanding kes yang disenaraikan di atas tanpa mengambilkira pekerjaan **Anda**.

2.3 Jika terdapat lebih daripada satu Hilang Upaya Kekal yang disebabkan oleh salah satu **Kemalangan**, jumlah manfaat perlu bayar akan dikira dengan mencampurkan peratusan setiap Hilang Upaya Kekal dengan syarat jumlah Manfaat perlu bayar yang telah dikira itu tidak melebihi 100%.

2.4 Kadar Hilang Upaya Kekal akan ditentukan dengan persetujuan di antara **Anda** dengan **Kami** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar berlakunya **Kemalangan**. Jika terdapat perselisihan pendapat, ia akan ditentukan oleh pemeriksaan perubatan yang akan dilakukan oleh **dua pakar bedah**, satu dilantik oleh **Anda** dan satu lagi oleh **Kami**.

Kedua-dua **pakar bedah** dipilih, jika masih berselisih pendapat, boleh melantik **pakar bedah** ketiga. Keputusan kedua-dua pakar bedah secara bertulis, atau jika terdapat perselisihan pendapat di antara mereka, keputusan pakar bedah ketiga akan mengikat ke atas **Anda** dan **Kami**.

Jumlah kesemua peratusan berkaitan dengan mana-mana **Kemalangan** di bawah Perkara Nombor 1 dan 2 dari Bahagian 1 tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya jumlah sebanyak 100% telah dibayar, Polisi ini akan terbatal dengan serta merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan berdasarkan jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** hingga **Polisi** tamat.

Untuk setiap Pihak Diinsuranskan, Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:

Di Bawah Manfaat Kematian akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal

- lebih daripada satu manfaat yang disebabkan oleh kecederaan yang sama
- kecederaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion.

3. PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membayar balik kepada **Anda** untuk Perbelanjaan Perubatan yang ditanggung oleh **Anda** yang disebabkan oleh:

- Kemalangan**, atau
- Dijangkiti Denggi, Malaria, Ensefalitis Jepun, Selsema Burung atau penyakit berkaitan- Jerebu, atau
- Culik, rampasan kereta, simbahan asid atau rompak dengan syarat **Anda** tidak mengalami penyakit sedia-ada sebagaimana dinyatakan pada bahagian b) dan liabiliti maksimum **Kami** yang timbul daripada Mana-mana Satu Kehilangan upaya tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

4. PEMBEDAHAN REKONSTRUKTIF

Kami akan membayar balik kepada **Anda** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk perbelanjaan yang ditanggung oleh **Anda** untuk pembetulan pergigian atau pembedahan rekonstruktif yang dilakukan pada leher, kepada atau dada (perut ke atas) **Anda** berikutan Kecederaan Badan yang dialami akibat **Kemalangan**, tertakluk bahawa pembetulan pergigian dan/atau pembedahan rekonstruktif tersebut disarankan dan dilakukan oleh **pakar bedah** kosmetik berlesen dan pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh **Kemalangan**.

5. PERBELANJAAN PENGKEBUMIAN

Kami akan membayar wakil sah **Anda** jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sebagai Perbelanjaan Pengkebumian jika **Anda** meninggal dunia akibat **Kemalangan**.

HAD KEPADA BAHAGIAN A

- Untuk layak mendapat Manfaat yang dibayar, **Anda** mestilah telah menerima rawatan perubatan berterusan daripada **pengamal perubatan** yang layak dan berdaftar.
- Kematian atau Hilang Upaya Kekal perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada **Kemalangan**.

BAHAGIAN B: PEMINDAHAN & PENGHANTARAN PULANG KECEMASAN ANTARABANGSA

Untuk setiap Pihak Diinsuranskan, Kami akan membayar: Sehingga manfaat yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat** sebagaimana dilampirkan di sini untuk perbelanjaan perlu berikut yang ditanggung semasa Tempoh Insurans yang menyebabkan timbulnya

tuntutan yang berpunca dari kematian **Anda**, kecederaan tubuh atau penyakit semasa dalam perjalanan di luar kawasan kediaman kecuali untuk rawatan susulan.

1. PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN

Pembayaran balik yuran atau caj atau perbelanjaan yang perlu dan wajar untuk pemindahan perubatan kecemasan termasuk pengangkutan udara atau darat, penjagaan perubatan serta-merta sebelum dan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj sampingan biasa yang ditanggung untuk memindahkan **Anda** dengan keadaan perubatan serius ke **Hospital** terdekat di mana penjagaan perubatan wajar disediakan, dan tidak semestinya ke negara asal.

Kami tidak akan membayar untuk memindahkan **Anda** dari negara sendiri ke destinasi asing.

Anda mesti menghubungi Penyedia Bantuan **Kami** bagi mendapatkan kelulusan awal untuk sebarang pemindahan dan untuk melakukan urusan pengangkutan yang diperlukan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tuntutan untuk kos ini menjadi tidak sah.

2. PENGHANTARAN PULANG PERUBATAN KECEMASAN

Jika **Anda** diwadkan di luar negara dan adalah perlu untuk **Anda** dihantar pulang ke Malaysia untuk meneruskan rawatan, **Kami** akan membayar kos penghantaran pulang yang perlu dan wajar termasuk kos pengangkutan seorang pegawai perubatan layak yang mengiringi **Anda**. Jika ia melibatkan penghantaran pulang perubatan kecemasan, Penyedia Bantuan 24-jam perlu dihubungi dengan segera untuk meluluskan dan menguruskan semua penghantaran pulang perubatan kecemasan.

Kami berhak menentukan sama ada penghantaran pulang perubatan kecemasan diperlukan atau tidak.

3. PENGHANTARAN PULANG JENAZAH

Sekiranya berlaku kematian akibat **Kemalangan** atau Penyakit **Anda** semasa perjalanan, **Kami** akan membayar caj yang wajar untuk pengkebumian dan pembakaran mayat di tempat di mana kematian berlaku termasuk perbelanjaan wajar yang ditanggung untuk membawa pulang jenazah atau abu mayat ke Malaysia.

Untuk setiap Pihak Diinsuranskan, Kami tidak akan membayar untuk yang berikut:

- a) yuran atau caj atau perbelanjaan untuk pengkebumian **Anda** di dalam wilayah negara **Anda**.
- b) yuran atau caj atau perbelanjaan yang timbul daripada kerja buruh yang berkaitan dengan sebarang perniagaan, pekerjaan dan profesion.
- c) RM50 pertama untuk setiap insiden yang menyebabkan berlakunya tuntutan.

Kami telah melantik Penyedia Bantuan untuk menyediakan Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan yang dinyatakan di bawah atas dasar rujukan atau pengaturan kecuali dinyatakan sebaliknya. Kedua-dua RHB Insurance dan Penyedia Bantuan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian tidak langsung atau sampingan yang dialami oleh **Anda** yang timbul daripada perkhidmatan Penyedia Bantuan.

Penyedia Bantuan akan, tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi**, menyediakan perkhidmatan berikut kepada **Anda** apabila menghubungi Penyedia Bantuan.

1. BANTUAN PERUBATAN

a) **Nasihat Perubatan melalui Telefon**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk mendapatkan nasihat perubatan kepada **Anda** melalui telefon.

b) **Rujukan Penyedia Perkhidmatan Perubatan**

Penyedia Bantuan akan menyediakan kepada **Anda**, apabila diminta, nama, alamat, nombor telefon dan jika tersedia, waktu operasi pejabat **pakar perubatan, Hospital, klinik, doktor gigi dan klinik gigi** (kolektifnya "Penyedia Perkhidmatan Perubatan"). Penyedia Bantuan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan diagnosis atau rawatan perubatan. Walaupun Penyedia Bantuan akan melakukan rujukan tersebut, ia tidak boleh menjamin kualiti Penyedia Perkhidmatan Perubatan dan pemilihan akhir Penyedia Perkhidmatan Perubatan ditentukan oleh **Anda**. Penyedia Bantuan, bagaimanapun, akan bersikap teliti dan telus dalam memilih Penyedia Perkhidmatan Perubatan.

c) **Penghantaran Ubat-ubatan Penting**

Penyedia Bantuan akan menguruskan untuk menyerahkan kepada **Anda** ubat penting, bekalan ubat-ubatan dan perubatan yang diperlukan untuk penjagaan dan/atau rawatan **Anda**, tetapi yang tidak terdapat di lokasi **Anda**. Penghantaran ubat tersebut, bekalan ubat-ubatan dan perubatan akan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan di dalam negara

tersebut. Penyedia Bantuan tidak akan membayar kos ubat, bekalan ubat-ubatan atau perubatan tersebut dan sebarang kos penghantaran berkaitan dengannya.

d) **Jaminan Perbelanjaan Perubatan Ditanggung Semasa Diwadkan ke Hospital**

Penyedia Bantuan akan, apabila dibenarkan oleh RHB Insurance, membantu **Anda** dengan memberi jaminan bagi pihak **Anda**, perbelanjaan perubatan yang ditanggung semasa **Anda** diwadkan ke **Hospital**.

e) **Pemindahan Perubatan Kecemasan**

Penyedia Bantuan akan menguruskan pengangkutan udara dan/atau darat, dan komunikasi untuk memindahkan **Anda** apabila berada dalam Keadaan Perubatan Serious ke **Hospital** terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai disediakan. Selepas mendapat kelulusan dari RHB Insurance, Penyedia Bantuan akan membayar untuk perbelanjaan perubatan perlu seperti pengangkutan dan komunikasi, dan semua caj sampingan yang biasa dan wajar yang ditanggung untuk perkhidmatan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan. Tertakluk kepada kelulusan RHB Insurance, Penyedia Bantuan berhak untuk menentukan sama ada keadaan perubatan **Anda** adalah cukup serius untuk mendapatkan Pemindahan Kecemasan Perubatan. Penyedia Bantuan juga berhak menentukan tempat di mana **Anda** akan dipindahkan dan cara atau kaedah pemindahan tersebut akan dijalankan setelah mengambilkira semua fakta dan keadaan yang diketahui oleh Penyedia Bantuan pada masa tersebut.

f) **Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan**

Penyedia Bantuan akan menguruskan penghantaran pulang **Anda** ke negara **Anda** selepas Pemindahan Perubatan Kecemasan dan diwadkan ke **Hospital** seterusnya di luar kawasan negara **Anda**. Selepas mendapat kelulusan dari RHB Insurance, Penyedia Bantuan akan membayar untuk perbelanjaan perubatan perlu dan tidak dapat dielak untuk perkhidmatan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan. Tertakluk kepada kelulusan RHB Insurance, Penyedia Bantuan berhak untuk menentukan cara atau kaedah penghantaran pulang tersebut akan dijalankan setelah mengambilkira semua fakta dan keadaan yang diketahui oleh Penyedia Bantuan pada masa tersebut.

g) **Penghantaran Pulang Jenazah**

Penyedia Bantuan akan mengaturkan penghantaran pulang jenazah **Anda** ke negara **Anda** atau jika diminta oleh ahli keluarga **Anda**, menguruskan pengkebumian tempatan di tempat berlakunya kematian, tertakluk kepada sebarang peraturan kerajaan. Penyedia Bantuan akan membayar bagi pihak RHB Insurance untuk semua perbelanjaan wajar dan tidak dapat dielak yang ditanggung untuk pengangkutan udara dan/atau darat yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan atau alternatifnya, membayar untuk kos pengkebumian di tempat berlakunya kematian sebagaimana diluluskan oleh RHB Insurance.

Perkhidmatan di atas (perkara **a** hingga **d**) disediakan atas dasar rujukan dan pengaturan semata-mata. Penyedia Bantuan dan RHB Insurance tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan pihak ketiga, yang merupakan tanggungjawab **Anda sepenuhnya** kecuali dinyatakan sebaliknya. Untuk pencegahan yang diuruskan oleh Penyedia Bantuan di mana **Anda** bertanggungjawab untuk membayar semua perbelanjaan pihak ketiga yang ditanggung, Penyedia Bantuan akan menyediakan jaminan kewangan dengan syarat Penyedia Bantuan telah mendapatkan bayaran daripada **Anda** melalui kad kredit **Anda** atau dari dana yang disediakan oleh ahli keluarga **Anda**.

BAHAGIAN C: MANFAAT KESUKARAN

KEHILANGAN TUNAI ATAU BARANGAN PERIBADI

Jika berlaku kehilangan tunai atau kehilangan atau kerosakan kepada **barangan peribadi Anda** akibat **kecurian ragut** atau **rampasan kereta**, **Kami** akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual, dengan syarat laporan polis telah dibuat. Barangan yang boleh dibayar balik adalah yuran penggantian untuk KP, pasport, lesen memandu, kad kredit/caj, kad akses untuk bangunan/lot parkir, cermin mata, cermin mata hitam, kamera, kunci rumah, telefon bimbit, dompet, beg duit dan beg tagan. **Anda** mestilah membuat laporan polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian dan menyerahkan laporan tersebut kepada **Kami**.

PENGECUALIAN KHAS UNTUK KEHILANGAN TUNAI ATAU BARANGAN PERIBADI

Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah manfaat ini apabila berlaku:

Kehilangan atau kerosakan akibat **penyeluk saku** atau **rompakan**.

BAHAGIAN D: BONUS TIADA TUNTUTAN

Kami akan menaikkan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sebanyak 10% setiap tahun sehingga maksimum 100% Jumlah Prinsipal Diinsuranskan dengan syarat:

i) pembaharuan adalah berterusan dan **Polisi** tidak pernah luput pada mana-mana satu tahun; dan

ii) tiada tuntutan dibuat di bawah **Polisi**.

Bagaimanapun jika ada tuntutan dibuat di bawah **Polisi**, sebarang Bonus Tiada Tuntutan terkumpul akan dibatalkan dan pengiraan untuk Bonus Tiada Tuntutan seterusnya akan bermula semula dari tarikh pembaharuan seterusnya sebanyak 10% setahun sehingga maksimum 100% Jumlah Prinsipal Diinsuranskan.

PENGECUALIAN AM

Insurans ini tidak melindungi **kecederaan tubuh** yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

1. Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau rampasan kuasa, undang-undang tentera, rampasan ketenteraan atau popular, sebarang tindakan penganas.
2. Bunuh diri atau cubaan membunuh diri, kecederaan kepada diri sendiri, kemusnahan diri sendiri atau sebarang percubaan melakukannya sama ada semasa waras atau tidak waras.
3. Semasa dalam perjalanan dalam kapal terbang sebagai krew, melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam kapal terbang yang dilesenkan untuk membawa penumpang. Bagi tujuan pengecualian ini, **Anda** tidak dilindungi jika **Anda** terlibat di dalam sebarang operasi teknikal atau navigasi semasa dalam kapal terbang;
4. Semasa menyertai sebarang sukan profesional;
5. Semasa sedang melakukan atau dalam percubaan untuk melakukan sebarang tindakan yang melanggar undang-undang;
6. Melakukan aktiviti dalam air dengan menggunakan alat pernafasan dalam air (skuba), seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara termasuk payung terjun, penerjunan dan peluncuran udara, hoki ais, bermain polo, lumba kuda, ski musim sejuk, pelayaran, ski air, menggunakan peralatan kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, berlumba (selain daripada berjalan kaki), memandu laju atau menyertai sebarang ujian kelajuan atau lain- lain jenis pertandingan;
7. Melahirkan anak, keguguran, mengandung atau sebarang komplikasi berkaitan;
8. Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS walau bagaimanapun penyakit ini dijangkiti atau dinamakan.
9. Kesan atau pengaruh alkohol (melebihi had yang dibenarkan) dan dadah melainkan jika dadah itu diambil mengikut nasihat **pengamal perubatan**.
10. **Kecacatan Kongenital**
Sebarang jenis kecacatan sama ada dari segi perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, ataupun kecacatan fizikal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan selepas lahir (lebih dikenali sebagai Keadaan Kongenital), sama ada diketahui atau tidak oleh **Anda** sebelum **tarikh efektif insurans**.
11. **Kecacatan Fizikal**
Sebarang kecacatan fizikal atau mental yang wujud sebelum **tarikh efektif insurans**.
12. **Kelayakan Penduduk**
Polisi ini hanya berkuatkuasa jika **Anda** menetap di Malaysia. Jika **Anda** ke luar negara untuk tempoh melebihi enam (6) bulan berturut-turut, **Polisi Anda** akan dibatalkan.
13. **Pengecualian Pekerjaan**
Ia adalah syarat mutlak dan syarat terdahulu kepada liabiliti **Kami**, bahawa **Anda** yang dilindungi di bawah **Polisi** ini tidak, dalam apa jua cara, secara langsung atau tidak langsung terlibat di dalam pekerjaan/tugasan yang di bawah;
 - 13.1. Anggota Tentera Udara, Polis, Pengawal Keselamatan, Tentera Laut, Tentera Darat/Militari dan pegawai penguatkuasaan undang-undang
 - 13.2. Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew Kapal Terbang
 - 13.3. Penyelam
 - 13.4. Pemandu Perlumbaan
 - 13.5. Joki
 - 13.6. Orang yang terlibat di dalam aktiviti sukan professional
 - 13.7. Orang yang terlibat di dalam perlombongan dan penerowongan bawah tanah
 - 13.8. Ahli Bomba
 - 13.9. Kelasi dan nelayan laut
 - 13.10. Wartawan Perang
 - 13.11. Pekerja pelantar minyak
 - 13.12. Orang yang terlibat dengan lumba kuda
 - 13.13. Pekerja dok
 - 13.14. Orang yang terlibat di dalam perobohan bangunan
 - 13.15. Orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans
 - 13.16. Pembalak, pekerja pembalakan, pemandu/kelindan lori balak dan mesin takal

- 13.17. Jurumesin Kerja Kayu
- 13.18. Pengendali bahan letupan
- 13.19. Pembinaan empangan, jambatan atau kerja-kerja bawah tanah, pembersih tingkap atau pekerja pembinaan pada ketinggian melebihi 30 kaki dari tanah
- 13.20. Pekerja yang mengendalikan dandang atau kebuk tekanan
- 13.21. Penghibur sarkas dan pelagak ngeri
- 13.22. Pengendali letupan dan bahan bertoksik lain, kerja yang melibatkan penggunaan semua perkakas, alatan atau peranti mekanikal
- 13.23. Sebarang perkhidmatan e-hailing/perkhidmatan penghantaran makanan sambilan

Bagaimanapun, manfaat di bawah Insurans ini akan dibayar untuk kematian akibat **Kemalangan**, Hilang Upaya Kekal atau sebarang kerugian lain di bawah **Polisi** ini yang timbul daripada kecederaan tubuh semasa melakukan aktiviti sosial dan persendirian di luar skop pekerjaan **Anda** seperti dinyatakan di atas. **Kami** berhak sepenuhnya untuk menolak perlindungan kepada **Anda** walaupun **Anda** tidak terlibat di dalam mana-mana pekerjaan yang dinyatakan di atas.

SYARAT AM

1. MENURUT KENYATAAN JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

Apabila **Anda** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Anda**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Anda**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Anda** selaras dengan remedi di **Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. MANFAAT

Anda dan keluarga **Anda** tidak boleh dilindungi melebihi daripada satu (1) Insurans **Kemalangan** Peribadi Prestige. Sekiranya **Anda** dilindungi di bawah lebih daripada satu (1) **Polisi** tersebut, **Kami** akan menganggap **Anda** dilindungi di bawah **Polisi** yang memberi manfaat tertinggi. Apabila manfaat di bawah **Polisi** tersebut adalah serupa, **Kami** akan menganggap **Anda** dilindungi di bawah **Polisi** yang pertama dikeluarkan. **Kami** akan memulangkan sebarang bayaran **premium** insurans yang bertindih yang mungkin dibuat oleh atau bagi pihak **Anda**.

3. PERUBAHAN RISIKO

Anda hendaklah memberi notis bertulis segera kepada **Kami** jika terdapat perubahan alamat atau pekerjaan dan status kesihatan. Jika gagal memberitahu **Kami**, **Kami** boleh menarik balik semua liabiliti untuk sebarang kerugian atau kecederaan akibat daripada perubahan-perubahan tersebut jika perubahan ini meningkatkan risiko **Kemalangan**.

4. PROSEDUR TUNTUTAN

- 4.1 Notis bertulis mestilah diberi kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan didalam **Polisi** ini. Kegagalan memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mentaksahkan tuntutan jika boleh dibuktikan bahawa adalah tidak munasabah untuk memberi notis bertulis tersebut dan notis itu diberi sebaik sahaja ianya boleh;
- 4.2 Jika **Anda** atau sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda** melakukan penipuan di dalam tuntutannya di bawah **Polisi** ini atau terlibat di dalam aktiviti penipuan untuk meraih keuntungan di bawah **Polisi** ini, semua manfaat yang perlu dibayar di bawah **Polisi** ini akan terbatal.
- 4.3 **Kami** berhak dan berpeluang untuk melakukan pemeriksaan ke atas **Anda** sekerap yang diperlukan dan melakukan autopsi jika berlaku kes kematian selagi ianya tidak melanggar undang-undang;

- 4.4 Tanpa kebenaran bertulis, **Anda** tidak akan menolak liabiliti, berunding atau membuat pengakuan, tawaran, janji untuk membayar berkaitan dengan mana-mana **Kemalangan** atau tuntutan dan **Kami** berhak untuk mengambil-alih jika perlu dan melakukan pembelaan tuntutan di bawah nama **Anda** atau melakukan pendakwaan di bawah nama **Kami** dengan perbelanjaan **Kami** dan untuk faedah sendiri sebarang tuntutan untuk indemniti atau kerosakan atau menentang sesiapa sahaja dan mempunyai kuasa penuh di dalam perbicaraan dan penyelesaian untuk sebarang tuntutan. **Anda** dan/atau keluarga **Anda** perlu memberi maklumat dan kerjasama apabila diperlukan.
- 4.5 Untuk memudahkan tuntutan di bawah Kehilangan Tunai atau Barangan Peribadi, kejadian **kecurian ragut** atau **rampasan kereta** mestilah dilaporkan kepada Polis dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas kejadian dan serahan tuntutan untuk manfaat ini mestilah dilampirkan bersama Laporan Polis. Bukti pembelian untuk barangan dilindungi tidak diperlukan.

5. PREMIUM (DIGUNAPAKAI UNTUK BAYARAN PREMIUM BULANAN SAHAJA)

5.1 Bayaran

Premium perlu dibayar setiap bulan dan dibayar oleh **Anda** sama ada melalui caj ke Akaun Bank RHB **Anda**, kad kredit atau Kad Debit RHB.

5.2 Bayaran Pembaharuan

Premium perlu dibayar untuk bulan pertama apabila **Polisi** berkuatkuasa adalah dua (2) bulan premium yang mana bayaran satu (1) bulan akan membentuk bayaran pendahuluan bulanan untuk **Polisi**.

5.3 Tempoh Tangguh

Tempoh tangguh untuk tiga puluh (30) hari daripada tarikh patut dibayar adalah dibenarkan setelah habisnya bayaran pendahuluan bulanan. Selepas tarikh itu, perlindungan **Polisi** ini akan tamat serta merta.

5.4 Pembaharuan

Tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini, pembayaran premium apabila perlu dibayar akan memperbaharui **Polisi** secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan dikeluarkan dan **Polisi** sedia ada adalah bukti perlindungan yang sah. Borang pendaftaran/borang cadangan yang asal akan terus berkuatkuasa dan perakuan yang terkandung di dalamnya akan menjadi asas pembaharuan kontrak kecuali perakuan semula.

5.5 Penolakan Premium atas Tuntutan

Jika Polisi ini jadi dituntut oleh sebab kematian atau hilang upaya kekal, sebarang baki Premium perlu dibayar untuk Polisi ini dimana tuntutan dibuat akan ditolak daripada tuntutan yang perlu di bawah Polisi ini.

6. PEMBAHARUAN

Ia bukanlah tanggungjawab Kami untuk memberi notis kepada Anda. Premium untuk pembaharuan **Polisi** ini adalah dianggap perlu dibayar pada tarikh **Polisi** tamat. Walaupun begitu, Kami akan terus bertanggungjawab untuk empat belas (14) hari daripada tempoh tamat **Polisi** dengan syarat pada hari terakhir daripada empat belas (14) hari itu Premium tersebut dibayar melainkan Kami atau Anda telah memberi notis untuk tidak memperbaharui Insurans itu. **Polisi** ini tidak boleh diperbaharui apabila Anda mencapai umur lapan puluh (80) tahun.

7. PENGUATKUASAAN SEMULA

Polisi dikuatkuasa pada tarikh yang dicatat pada Jadual **Polisi**. Ulangtahun **Polisi** adalah satu (1) tahun selepas Tarikh Efektif Insurans **Polisi** tersebut dan secara tahunan. Pada setiap ulangtahun, **Polisi** ini diperbaharui mengikut kadar Premium yang berkuatkuasa ketika diberi notis oleh Kami. **Polisi** ini diperbaharui pada budi bicara Kami.

8. SYARAT PEMBATALAN PORTFOLIO

Kami berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak menyambung produk insurans ini. Pembatalan portfolio keseluruhan akan diberi notis bertulis kepada Anda dan Kami akan menanggung semua **Polisi** sehingga tarikh lupus untuk tempoh perlindungan dalam portfolio.

9. PERUBAHAN PELAN INSURANS

Permohonan untuk menukar manfaat-manfaat kepada pelan yang lebih tinggi atau rendah hanya boleh dibuat dengan memberi empat belas (14) hari notis bertulis dari pembaharuan dan adalah tertakluk kepada penerimaan Kami semasa pembaharuan.

10. PEMBATALAN AUTOMATIK

Polisi ini akan ditamatkan secara automatik jika Kejadian-Kejadian berikut berlaku, mana-mana yang terdahulu:

- 10.1 Penamatan Akaun Bank RHB, Kad Kredit atau Kad Debit RHB **Pihak Diinsuranskan** dimana **Premium** perlu bayar untuk **Polisi** ini dicajkan melainkan cara pembayaran lain dimaklumkan dan diluluskan oleh **Kami** secara bertulis;
- 10.2 Serta-merta apabila **Pihak Diinsuranskan** berumur lapan puluh (80) tahun pada tarikh lahirnya.
- 10.3 **Kematian** Pihak Diinsuranskan **atau jika** Pihak Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Kekal akibat daripada Kemalangan membolehkan tuntutan dibuat dimana manfaat penuh 100% daripada Jumlah Prinsipal Insurans seperti dinyatakan dalam Jadual Polisi telah dibayar.

Perlindungan untuk Anak Dibawah Tanggungan akan ditamatkan secara automatik pada hari lahir ke-19.

11. PEMBATALAN OLEH KAMI

Kami berhak untuk membatalkan atau membuat perubahan kepada ciri-ciri produk yang tertera dalam **Polisi** ini, dengan syarat semua **Polisi** yang dikeluarkan di bawah pelan ini dibatalkan atau diubah dan sebarang perubahan dibuat pada ulang tahun Polisi sahaja; Tertakluk kepada peruntukan **Polisi** ini, Kami boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada **Anda** ke alamat terakhir **Anda** yang diketahui mengikut rekod **Kami**. Penamatan itu menjadi efektif empat belas (14) hari daripada tarikh notis tersebut.

Sekiranya **Premium** telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkau tarikh **Polisi** ini dibatalkan, pembahagian yang sepatutnya akan dipulangkan kepada **Anda** oleh **Kami**. Jika **Premium** tidak dibayar untuk sebarang tempoh sehingga tarikh pembatalan, **Anda** akan bertanggungjawab kepada **Kami** untuk bayaran **Premium** tersebut, dimana **Kami** boleh, mengikut pendapat kami, menghantar bil kepada **Anda**.

12. PEMBATALAN OLEH ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BAYARAN PREMIUM BULANAN SAHAJA)

Polisi ini boleh dibatalkan oleh **Anda** bila-bila masa dengan memberi empat belas (14) hari notis bertulis kepada **Kami**. Pembatalan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh notis itu diterima oleh **Kami** atau tarikh dinyatakan dalam notis, mana yang terdahulu. Sekiranya **Premium** telah dibayar untuk sebarang tempoh yang menjangkau tarikh penamatan **Polisi**, penamatan akan berkuatkuasa pada tarikh **Premium** perlu dibayar seterusnya. Tiada **Premium** akan dikembalikan apabila perlindungan ditamatkan.

13. PEMBATALAN OLEH ANDA (DIGUNAPAKAI UNTUK BAYARAN PREMIUM TAHUNAN SAHAJA)

Polisi ini boleh dibatalkan oleh **Anda** bila-bila masa dengan memberi empat belas (14) hari notis bertulis kepada **Kami** dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat oleh **Anda** pada tahun **Polisi** semasa, Pemegang **Polisi** berhak mendapat pulangan semula **Premium** seperti berikut: -

Tempoh Tidak Melebihi	Pulangan Semula Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	20%
10 bulan	15%
11 bulan	10%

Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pulangan semula
--------------------------	-----------------------

14. MASA BERKESAN PEMBATALAN

Polisi ini akan batal pada 12.01 pagi waktu Malaysia pada tarikh yang berkenaan yang dinyatakan di atas.

15. PENGUATKUASAAN SEMULA

Polisi boleh dikuatkuasa semula atas budi bicara **Kami** tertakluk kepada: -

16.1. permohonan bertulis oleh **Anda**;

16.2. bukti boleh insurans yang memuaskan **Pihak Syarikat**; dan

16.3. bayaran jumlah **Premium** tertunggak, jika ada.

16. PELEPASAN LIABILITI

Faedah yang dibayar di bawah **Polisi** ini hendaklah dibuat kepada **Anda**. Apa-apa pembayaran yang diluluskan oleh **Kami** berkenaan dengan tuntutan yang dibuat hendaklah dianggap sebagai lengkap dan pelepasan muktamad daripada semua liabiliti **Syarikat** berkaitan dengan tuntutan tersebut.

17. PEMBAYARAN MANFAAT

Manfaat perlu bayar di bawah **Polisi** ini akan dibayar kepada **Anda**, jika **Anda** meninggal dunia, manfaat akan dibayar kepada waris yang dinamakan atau kepada estet **Anda** sekiranya tiada waris yang dinamakan, kecuali jika **Anda** adalah seorang Islam, di mana pembayaran manfaat di bawah **Polisi** ini akan ditentukan oleh Undang-undang Islam yang berkenaan dan Undang-undang Syariah yang diguna pakai.

18. KEPERLUAN PENJAGAAN

Jika berlaku kecederaan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, **Anda** perlu mendapatkan nasihat doktor atau pakar bedah atau pengamal perubatan secepat yang mungkin dan bertindak mengikut nasihat-nasihat yang diberikan.

19. KADAR PERTUKARAN MATAWANG

Sekiranya berlaku kemasukan ke **Hospital** di luar Malaysia, bil-bil yang menggunakan matawang selain daripada **Ringgit** Malaysia akan dibayar berasaskan kadar pasaran mata wang semasa RHB Bank pada tarikh **Pihak Diinsuranskan** dikeluarkan daripada **Hospital**.

20. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL SELIA

Polisi ini di bawah undang-undang Malaysia dan adalah tertakluk di bawah undang-undang yang digunapakai di Malaysia. Ganti rugi yang diberi oleh **Polisi** ini tidak akan digunapakai jika penghakiman yang dikeluarkan bukan diperolehi daripada mahkamah yang berkuasa di dalam Malaysia, bukan juga arahan-arahan yang diterima didalam mahkamah tersebut untuk menguatkuasakan penghakiman yang dibuat diluar Malaysia, samada melalui perjanjian bersaling atau sebaliknya.

21. PINDAAN

Kami berhak untuk meminda terma dan peruntukan **Polisi** ini dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Anda** yang diketahui mengikut rekod **Kami**, dan pindaan tersebut akan berkuatkuasa dari pembaharuan akan datang **Polisi** ini. Pindaan kepada **Polisi** ini tidak sah kecuali jika diluluskan oleh **Kami** dan dibuktikan dengan sokongan pindaan itu.

22. TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh diambil untuk mendapatkan semula **Polisi** sebelum tamat tempoh atau sembilan puluh (90) hari setelah bukti tuntutan telah diserahkan mengikut keperluan **Polisi** ini.

23. KESELURUHAN KONTRAK: PERUBAHAN

Polisi ini, termasuk **Jadual Polisi**, pengendorsan, dan perubahan-perubahan, sekiranya ada, akan melibatkan keseluruhan kontrak di antara pihak-pihak terlibat. Tiada perubahan dalam **Polisi** ini yang dianggap sah melainkan setelah diluluskan oleh **Kami** dan dibuktikan oleh pengendorsan dan perubahan.

24. SYARAT DULUAN TERHADAP LIABILITI

Pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan **Polisi** ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** atau mana-mana pihak menuntut di bawah **Polisi** dan kebenaran bagi pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat dulu kepada sebarang liabiliti Kami untuk membuat sebarang pembayaran di bawah **Polisi** ini.

25. FASAL RISIKO RADIOAKTIF/TENAGA NUKLEAR

Insurans ini tidak melindungi kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan mana-mana satu yang berikut atau sebarang kerugian sampingan lain akibat: -

- 25.1 radiasi ion atau kontaminasi oleh radioaktif daripada mana-mana nuklear atau daripada sisasisa pembuangan nuklear daripada pembakaran oleh nuklear.
- 25.2 Bahan radioaktif, toksik, letupan atau lain-lain bahan memudaratkan atau bahan yang tercemar daripada sebarang jenis pemasangan nuklear, reaktor atau lain-lain pengumpulan nuklear atau komponen nuklear.
- 25.3 Sebarang senjata peperangan melibatkan atom atau pembakar nuklear dan/atau pencetus pembakaran lain atau kuasa radioaktif atau sepeertinya.

26. FASAL PEPERANGAN DAN PENGGANAS

Insurans ini tidak mengambilkira kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan mana-mana yang berikut samada terdapat sebab atau **Kejadian** lain yang menyumbang kepadanya dalam tempoh yang sama atau dalam apa jua turutan kepada kerugian: -

- 26.1 peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, insureksi, pertempuran awam yang mencetuskan pemberontakan, ketenteraan atau pengambilan kuasa;

- 26.2 Tindakan Keganasan

Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambilkira apa-apa faktor, **Polisi** ini tidak melindungi sebarang kerugian dalam apa jua cara yang disebabkan atau diakibatkan oleh tindakan keganasan yang melibatkan penggunaan atau pembebasan atau ancaman oleh mana-mana senjata nuklear atau peranti atau bahan kimia atau agen biologi. Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Ia juga tidak termasuk sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan bagi apa jua keadaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil di dalam mengawal, menghalang, atau di dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (27.1) dan/atau (27.2) di atas.

Sekiranya **Syarikat** menganggap dengan sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh **Polisi** ini adalah menjadi tugas **Pihak Diinsuranskan** untuk membuktikan sebaliknya. Jika berlaku keadaan dimana sebarang bahagian pengecualian ini dianggap tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, selainnya akan terus dianggap berkuatkuasa dan boleh digunakan.

27. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat asas dan penting untuk kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu bayar mesti dibayar dan diterima oleh pihak Kami sebelum perlindungan bermula.

28. PEMULIHAN TUNTUTAN

Sekiranya **Kami** telah membayar manfaat yang **Anda** tidak berhak, **Kami** hendaklah mempunyai hak untuk menuntut semula manfaat daripada **Anda**.

29. KELAYAKAN

Kelayakan adalah terhad kepada individu yang bermastautin Malaysia. Tertakluk kepada had umur terendah daripada lapan belas (18) tahun dan had umur tertinggi sehingga tujuh puluh (70) tahun semasa permohonan pertama. Anda masih layak untuk perlindungan sehingga hari jadi lapan puluh (80) di mana semua perlindungan di bawah Polisi ini akan dihentikan.

30. INTERPRETASI

Polisi ini, termasuk borang pendaftaran / borang cadangan, **Jadual Polisi**, pengendorsan dan pindaan jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau kenyataan yang makna khususnya telah dinyatakan akan, kecuali konteks memerlukan sebaliknya, memberi makna khusus di mana jua ia tertera.

31. TIMBANG TARA

Kesemua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang dalam pertelingkahan. Sekiranya dalam kejadian mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbang Tara dalam tempoh satu (1) bulan apabila diminta secara bertulis untuk berbuat demikian, maka kedua-dua pihak berhak melantik seorang Penimbang Tara yang setiap seorang akan terus mendengar perbezaan itu bersama dengan Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara.

Dengan ini ditetapkan dengan nyata dan diisytiharkan bahawa ia akan menjadi syarat terdahulu kepada mana-mana hak tindakan atau saman ke atas dasar ini bahawa award oleh Penimbang Tara, Penimbang Tara – Penimbang Tara atau Pengadil tersebut hendaklah terlebih dahulu diperolehi.

Jika Kami akan menafikan liabiliti kepada Pihak Diinsuranskan untuk sebarang tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut tidak akan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penafian tersebut telah dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di sini, maka tuntutan untuk semua maksud dan tujuan itu akan dianggap telah terbatal dan selepas itu tidak boleh diperolehi semula di bawah ini.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan permintaan/ keperluan **Anda** dipenuhi.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting **Polisi**, **Jadual** dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan **Polisi Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. **Kami** memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, Kami ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Pasaran Kewangan (FMOS) atau atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel: insurance_complaint@rhbgroup.com

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika **Kami** tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. **Polisi** / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Pasaran Kewangan (FMOS)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS))
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Laman Web: www.fmos.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas **Kami** atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

IBU PEJABAT	KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel: 03 - 2180 3000 Faks: 03 - 9281 2729 Laman Web: www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel: 1300-220-007 Faks: 03 – 2163 7277 WhatsApp: 012-6031978 E-mel: rhbi.general@rhbgroup.com